



Dr M penggerak sains, teknologi

BH 31/10/2003 - 15 PRECISE

Oleh Salina Abdullah

DARI Kutub Utara ke Kutub Selatan, dari projek kereta nasional ke bangunan tertinggi di dunia, segalanya sudah terlaksana kecuali satu - ke angkasa lepas.

Ketika banyak negara sudah melancarkan pesawat dan menghantar angkasan mereka ke angkasa lepas, Malaysia baru berkira-kira untuk berbuat demikian sekali pun hasrat itu sudah tercetus lebih 20 tahun lalu.

Mungkin ada yang tersenyum sambil melihat kelewatan Malaysia tetapi ia tidak seharusnya merencat keinginan kita untuk berdiri sama tinggi dengan negara lain di dunia ini.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pernah berkata: "Kita tidak perlu barambut perang (menjadi orang putih) untuk menjadi lebih baik daripada yang lain. Apa yang penting, kita kena yakin dengan keupayaan diri sendiri."

Hasilnya, hari ini, tawaran sudah dibuka kepada rakyat Malaysia untuk menempa nama sebagai angkasan pertama negara dan menjelang 2005, kita akan saksikan Jalur Gemilang berkibar bukan di Kutub Utara, bukan juga Kutub Selatan, tetapi di angkasa lepas.

Rakyat Malaysia beruntung kerana 'memiliki' Dr Mahathir yang berfikiran jauh, positif dan tidak mengenal erti kalah. Kita harus menerima hakikat, semua kejayaan yang dicapai rakyat dan negara ini, sedikit sebanyak cecetus Dr Mahathir.

Kesungguhannya meletakkan nama Malaysia sebaris negara maju. Keazamannya mengeluarkan Malaysia daripada kemelut kemunduran dan diperlekehkan negara maju, menyaksikan

Malaysia antara negara paling maju di kalangan negara membangun di samping mendapat pengiktirafan negara maju dalam pelbagai aspek.

Jika ada anugerah Rana Sains dan Teknologi atau Bapa Alam Sekitar, tidak pelik rasanya jika anugerah itu dihadiahkan kepada Dr Mahathir. Penulis yakin ramai yang bersejua dengan pandangan ini. Tiada yang lebih layak untuk menerima penghargaan ini.

Sebut saja bidang apa, topik apa - sains hayat, biologi, kimia, bioteknologi, genetik, nano teknologi malah hingga ke isu alam sekitar - Perdana Menteri hampir tahu mengenai semuanya. Mungkin beliau bukan pakar

tetapi keinginannya untuk belajar dan menganalisis kepentingan bidang itu untuk rakyat dan negaranya menjadikan beliau seolah-olah pakar dalam semua bidang.

Pernah satu ketika, wartawan dikritik kerana dikatakan tidak berpengetahuan dalam bidang berteknologi tinggi. Lebih 'malang' apabila keceteraan pengetahuan itu dibandingkan dengan kebijaksanaan seorang genius - Dr Mahathir.

Sikap Dr Mahathir terhadap isu berkaitan sains ini mungkin sedikit sebanyak disebabkan oleh latar belakang sains pada dirinya. Sebagai seorang doktor, Dr Mahathir mempunyai pemikiran yang diagnostik - beliau melihat sesuatu perkara secara teliti.

Dr Mahathir sentiasa menegaskan Malaysia sebenarnya tidak ketinggalan dalam bidang teknologi tinggi seperti yang dianggap kebanyakan pihak, terutama dalam teknologi maklumat (IT).


Jika dulu, Malaysia hanya menjadi pengguna teknologi pihak lain, hari ini Malaysia boleh berbangga kerana turut menjadi pencipta dan pencetus teknologi. Projek Koridor Raya Multimedia (MSC) adalah antara usaha nyata yang dilahirkan Dr Mahathir bagi memajukan bidang sains dan teknologi di negara ini.

Di bawah kepemimpinan Dr Mahathir, kerajaan memperuntukkan kawasan yang luas dan belanja yang besar bagi menjayakan projek MSC. Merangkumi kawasan 750 kilometer persegi bermula dari Kuala Lumpur City Centre (KLCC) hingga ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) Sepang dengan pelaburan kira-kira RM48 bilion, MSC dilengkapi prasarana bagi memajukan teknologi maklumat dan fizikal bertaraf dunia selain disokong sistem rangkaian logistik dan telekomunikasi berkapasiti tinggi.

Dr Mahathir jugalah antara pemimpin yang sering kali menegur pihak terbabit dalam usaha melahirkan lebih ramai saintis. Beliau menegaskan, gaji perlu setimpal dan persekitaran harus menarik bagi menggalakkan lebih ramai rakyat negara ini menceburi kerjaya itu seterusnya menghasilkan penyelidikan yang akan membawa manfaat kepada rakyat dan negara. Berikutan itu juga, program membawa pulang saintis Malaysia yang berkhidmat di luar negara diperkenalkan pada 1995.

Hakikatnya, Malaysia tidak pernah ketandusan cerdik pandai untuk sejahteraan rakyat dan negara. Namun, 'kekayaan' ini tidak akan kekal jika tiada pihak yang berusaha untuk memeliharanya. Kita berharap yang patah tumbuh hilang berganti. Semoga kepemimpinan negara akan datang mengekalkan 'kecintaan' Dr Mahathir kepada pembangunan sains, teknologi dan pemuliharaan alam sekitar.

BIDANG sains dan teknologi berkembang pesat di bawah kepemimpinan Dr Mahathir. Beliau bersama RazakSAT (gambar kanan) yang dilancarkan baru-baru ini. (Gambar sebelah) Measat 1.



ROKET yang membawa satelit mikro pertama Malaysia, TiungSAT-1 dilancarkan di tapak pelancar di Baikonur Cosmodrome, Kazakhstan, tidak lama dulu. - Bernama